

01 MAR 2003

MODEL KAPAL LAYAR "PUTERI HANNA" DISERAH KEPADA PERDANA MENTERI

LANGKAWI, 1 Mac (Bernama) -- Persatuan Perahu Layar Kedah hari ini menyampaikan model kapal layar "Puteri Hanna" kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena lawatan beliau ke sini.

Timbalan presiden persatuan itu Mohamad Afendy Abdullah berkata cenderamata itu diberi sebagai tanda terima kasih atas sumbangan Dr Mahathir kepada pembangunan sukan kapal layar di negara ini dan Kejohanan Perahu Layar Regata Perdana Langkawi Kedah 2003 di sini baru-baru ini.

"Kita menyanjung tinggi sumbangan beliau bagi memajukan sukan mencabar ini," katanya di sini.

Model itu disampaikan kepada Dr Mahathir oleh Pengerusi Kejohanan Perahu Layar Regata Perdana Datuk Abu Bakar Taib yang juga Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian.

Turut hadir ialah Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir dan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Sukan Kedah Datuk Md Hassan Bulat.

Sebanyak 30 pelayar Kedah turut serta semasa penyerahan model itu dibuat.

Mohamad Afendy berkata Puteri Hanna diambil sempena nama pelayar termuda Kedah, Kharunhanna, yang baru berusia 6 tahun.

Modal kapal layar yang mempunyai ketinggian 1.5 meter direka bentuk dan dibina oleh Syarikat Zeta Marine yang berpangkalan di sini.

-- BERNAMA

ZI NAK